

# Riadah rohani Tukad di Taman Bukit Tawau gamit memori

UB 14.9.2018 B3

Oleh HENRY BATING

**PESTA** Hari Keluarga Tukad yang berjaya menarik 160 penyertaan dalam program rekreasi rohani bertemakan ‘Ceria, Mesra, Melayani’ di Taman Bukit Tawau pada Isnin menggamt memori kalangan peserta.

Pengerusi Penganjur Steven Juanis Sagunting berkata program yang

menggabungkan riadah, rohani, sukaneka dan santai bersama itu berjaya mencapai objektif mengeratkan persaudaran kalangan Kadazan Dusun Murut (KDM) sesama umat Katolik.

“Program ini akan diperkembangkan menjadi aktiviti tahunan dengan menambah baik pelaksanaan berasaskan kesesuaian dan keutamaan kalangan keluarga yang



STEVEN

terlibat,” katanya.

Tukad singkatan dari ‘Tinimungan Umat Kadazandusun Murut’ Gereja Holy Trinity mengadakan program itu sebagai lanjutan pelayanan kerohanian di luar rumah ibadat.

Para peserta berkumpul di hadapan Grotto Holy Trinity seawal jam 7 pagi untuk berdoa sebelum bertolak ke Taman Bukit Tawau bagi slot misa bersama Rev Fr Sunny Chung.

Menyusul misa ialah sarapan bersama dan sukaneka sebelum berkongsi sajian tengahari kira-kira jam 1 petang.

Pelbagai acara sukaneka diadakan meliputi serahan gelung getah menggunakan penyedut minuman, sukan rahsia, ‘jig-saw puzzle’ kanak-kanak, sambut belon air pasangan suami isteri, main bola berganda dan ‘passing parcel’ di pondok.

Turut serta, Br Dafrin, Sr Marta, Sr Julita dan Sr Bevelly yang memimpin slot doa serta kerohanian sepanjang program itu.

Abel Gintod yang bertugas di Maliau

Basin, hampir tiga jam pemanduan ke sini, memberitahu beliau datang menyertai program itu buat pertama kali semata-mata merindui warga Tukad.

“Penyertaan saya dalam program Hari Keluarga Tukad amat bermakna, menggembirakan dan mengeratkan lagi hubungan sesama umat, tambahan pula keluarga saya berada jauh di Kg Pamilaan, Tenom,” kata Abel.

Dengan terlaksananya program itu, Steven mengucapkan penghargaan kepada Taman-Taman Sabah kerana memberi kelulusan bertulis menggunakan tempat



SERAHAN gelung getah guna penyedut minuman.

itu sebagai venue pelaksanaan program serta jawatankuasa pelaksana

yang mengendalikan program itu dengan berkesan.



SAMBUT belon air suami isteri.

ABEL (kiri) bersama rakan-rakan di Hari Keluarga Tukad.

